

Pangkalan makmal kajian barah pertama di Asia

Berita Harian

13 Oktober 2017 | Rabu



Ketua Setiausaha Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Mohd Azhar Yahaya (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Carrascoso (kiri) dan Mohd Azman di TPM Bukit Jalil, semalam.

Pangkalan makmal kajian barah pertama di Asia

➔ **Firma AS pilih Malaysia babit pelaburan RM76 juta**

Oleh **Alzahrin Alias**
zahrin@bh.com.my

Firma Amerika Syarikat (AS), Glycoprox Biosciences Corporation (GPX) memilih Malaysia sebagai pangkalan makmal pertama di Asia dalam kajian pembangunan ubatan barah membabitkan pelaburan AS\$18 juta (RM76 juta).

Pangkalan penyelidikan GPX yang terletak di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil adalah hasil kerjasama firma yang berpangkalan di San Francisco itu bersama Technology Park Malaysia Biotech Sdn Bhd (TPMB).

Ketua Pegawai Eksekutif GPX, Aldo Carrascoso berkata, industri pembangunan perubatan barah ketika ini adalah sangat terhad dan kebanyakannya memberi tumpuan kepada penggunaan sistem dan metodologi berasaskan asid deoksiribonukleik (DNA) dan asid ribonucleic (RNA).

Justeru, katanya GPX dan TPMB akan menjadi syarikat pertama mengkomersialkan penyelidikan *glycomics* untuk penemuan sasaran dan pengesahan, selain yang pertama menggunakan ins-

trumentasi lanjutan.

"Kami teruja untuk meneroka peluang yang diberikan oleh Malaysia dalam bioteknologi dan sains hayat. Pemilihan Malaysia sebagai tapak pertama kajian adalah kerana atas faktor ekosistem yang menarik, tenaga kerja mahir tempatan yang mencukupi selain sokongan kuat kerajaan dan industri," katanya selepas majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) antara GPX dan TPMB di TPM Bukit Jalil, semalam.

Teroka peluang perniagaan baharu
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), Datuk Ir Mohd Azman Shahidin berkata, kerjasama antara TPMB

dan GPX adalah langkah utama syarikat untuk meneroka peluang perniagaan baharu.

Katanya, GPX bakal menjalankan kajian secara bersama di makmal molekular TPM Biotech yang dilengkapi kemudahan terkini.

"Kerjasama ini membuktikan syarikat antarabangsa yakin dengan kemampuan dan perkhidmatan terkini yang tersedia untuk meneruskan program penyelidikan dan pembangunan mereka di Malaysia dan Asia," katanya.

Mohd Azman berkata, antara faktor lain pemilihan TPM sebagai rakan kerjasama pangkalan penyelidikan baharu GPX adalah kerana Malaysia mempunyai kepelbagaian kaum dan genetik yang berbeza.